

CNS5625

U GB 30-01 00148 BH623

aab

Mahathir-Bakun

HIDRO ELEKTRIK BAKUN UNTUNGAN SARAWAK

I

KUCHING, 30 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata projek raksasa Hidro-elektrik Bakun, yang akan dilaksanakan dekat Belaga di Bahagian Kapit akan menguntungkan rakyat Sarawak secara keseluruhan.

Perdana Menteri berkata projek itu bukan sekadar pembinaan sebuah janakuasa hidro-elektrik tetapi ia suatu projek yang dapat menyumbang lebih kepada pembangunan di negeri itu.

Selain membekalkan elektrik pada kadar murah ke Sarawak dan seluruh negara, tasik yang diwujudkan oleh projek itu boleh digunakan untuk pelbagai aktiviti lain, katanya ketika merasmikan projek itu di sini.

Beliau berkata projek bernilai RM15,000 juta itu membuktikan bahawa Sarawak boleh membangun dari segi pencapaian ekonomi.

"Projek itu mungkin memusnahkan sebahagian pokok dan binatang dan memindahkan sebahagian penduduk. Bagaimanapun, untuk mencapai kemajuan yang diharapkan bagi kesejahteraan rakyat, ia memerlukan sedikit pengorbanan," katanya. -- Lagi

▼30/01/17-10MST

CNS5629

U GB 30-01 00140 BH624

aab

Mahathir-Bakun 2 Kuching

Pada masa yang sama, katanya, terdapat pihak tertentu yang menentang projek itu.

Golongan itu, katanya, ialah mereka yang telah memusnahkan hutan mereka sendiri dan selama ini menikmati bekalan elektrik yang murah.

"Setelah memusnahkan negara mereka sendiri, mereka kini memberitahu kita supaya jangan memusnahkan negara kita... jangan tebang pokok dari tapak empangan untuk menikmati bekalan elektrik yang kita perlukan," katanya.

Dr Mahathir berkata: "Saya berpendapat mereka bersikap berpura-pura untuk memberitahu kita supaya jangan menebang pokok kita. Golongan ini, yang menghasut rakyat negara ini supaya menentang projek itu, sepatutnya merobohkan empangan mereka sekiranya mereka ikhlas (untuk mengekalkan hutan mereka)."

Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud berkata projek empangan Hidro Bakun itu merupakan model kejayaan hasil kerjasama antara kerajaan pusat dan negeri bagi kepentingan rakyat.

Katanya, dengan kerjasama erat antara Kerajaan Pusat dan negeri pembangunan dapat dibawa dan dinikmati oleh rakyat bagi tempoh jangka panjang.

Beliau berkata langkah menjayakan projek itu membuktikan bahawa Kerajaan Pusat ikhlas dan sekali gus menghapuskan anggapan negatif sesetengah pihak bahawa Kerajaan Pusat hanya berminat dengan kekayaan Sarawak.

Abdul Taib berkata apabila projek itu siap Sarawak akan berupaya menjadi kuasa tenaga terbesar di Malaysia dengan membekalkan elektrik kepada negeri-negeri lain.

Projek Hidro Bakun akan dilaksanakan oleh Ekran Bhd, menjadikannya projek penswastaan terbesar dalam sejarah negara ini. Projek itu meliputi kawasan seluas 700 Km persegi dan dijangka siap dalam tempoh 10 tahun. -- Bernama

AHM RAR AKD